



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	24 October 2015

# Keseimbangan ringan kos sara hidup: PM

BH - 24/10/2015



Najib ketika keluar dari Kementerian Kewangan untuk ke Parlimen, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM-MOHD NOOR/BH]

» **Peruntukan RM267.2 bilion bagi capai pertumbuhan capai status negara maju**

▪ **Kuala Lumpur**

**D**atuk Seri Najib Razak semalam membentangkan Bajet 2016 yang berteraskan keseimbangan sebagai strategi mensejahterakan rakyat dalam meringankan kos sara hidup.

Bertemakan Mensejahtera Kehidupan Rakyat, bajet yang membabitkan peruntukan RM267.2 bilion itu juga bagi mencapai pertumbuhan bersifit inklusif ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Daripada jumlah itu, RM215.2 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM52 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Bajet pertama bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) itu meningkat RM6.5 bilion berbanding pada 2015, disediakan ketika kedudukan ekonomi mencabar akibat kejatuhan harga minyak mentah, kelemahan ekonomi dunia dan penyusutan nilai ringgit, selain pelbagai isu yang dibangkitkan pembangkang dan rakyat.

Ia bertujukan lima keutamaan - Memperteguh Ke-

tahanan Ekonomi Negara; Meningkatkan Produktiviti, Inovasi dan Teknologi Hijau; Mempersiapkan Modal Insan; Memperkasa Agenda Bumiputera; dan Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat.

Perdana Menteri berkata, bajet seimbang dan praktikal itu turut menawarkan pelbagai insentif bagi merangsang pelaburan domestik, mencergaskan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), meningkatkan kecekapan pengangkutan awam bandar, pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar dan pelbagai program impak tinggi sektor pertanian.

Langkah merencanakan aktiviti pelaburan domestik akan dipacu oleh pelaburan swasta yang meningkat sebanyak RM218.6 bilion serta disokong oleh pelaburan awam, RM112.2 bilion.

**Perkenal pelbagai inisiatif**

Menyadari keperitan dihadapi rakyat berikutan kenaikan kos sara hidup, Najib menumpukan usaha meringankan menerusi pengenalan pelbagai inisiatif, termasuk menaikkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) membabitkan peruntukan RM5.9 bilion yang bakal memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang.

"Saya tahu benar, ada pihak yang mengatakan BR1M tidak perlu diteruskan. Namun, melalui maklum balas yang diterima, mereka sangat bersyukur dan berterima kasih atas keprihatinan kerajaan ini kerana

terbukti BR1M telah sedikit sebanyak membantu meringankan beban hidup mereka," kata Najib yang memakai sut baju Melayu berwarna ungu terang ketika pembentangan.

Bagi menangani isu perumahan yang menjadi rungutan utama rakyat, terutama kalangan berpendapatan rendah, Najib yang juga Menteri Kewangan meneruskan usaha meningkatkan pemilikan rumah segenap lapisan rakyat, termasuk membina 175,000 unit rumah oleh PR1MA, 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dan 100,000 rumah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Beliau juga mengambil kira kekelahan satu lagi kumpulan besar 40 peratus golongan menengah atau M40, yang berpendapatan antara RM3,860 hingga RM8,320 sebulan.

Antara lain, had pelepasan cukai bagi setiap anak berumur bawah 18 tahun digandakan daripada RM1,000 kepada RM2,000, manakala pelepasan cukai bagi pembayar individu yang pasangannya tidak mempunyai pendapatan, dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM4,000.

Dalam usaha melonjakkan inovasi dan kreativiti serta meningkatkan penggunaan tek-

nologi hijau, beliau mengisytiharkan tahun 2016 sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia bagi menambah hasil produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh institusi penyelidikan tempatan.

Selain itu, pelbagai inisiatif disediakan seperti potongan cukai untuk PKS serta melanjutkan tempoh pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sehingga 31 Disember 2017 dengan dana RM1.2 bilion.

**Mempersiagakan modal insan**

Bagi mempersiapkan modal insan yang menjadi keutamaan pentadbiran Najib, sebanyak RM41.3 bilion diperuntukkan untuk pendidikan, termasuk pembinaan sekolah baharu, meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, penubuhan sebuah Jawatankuasa Kemahiran Industri bagi menyelaras program Bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta memfokus kepada Kualiti Tenaga Kerja untuk meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja.

Bajet kali ini juga terus memperkasa Agenda Bumiputera sebagai agenda nasional dengan cadangan peruntukan hampir RM5 bilion merangkumi pembangunan masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dijadikan modal politik pembangkang, Najib menjelaskan ia sebenarnya menjadi penyelamat dan menambah hasil menerusi regim percukaian lebih cekap daripada kira-kira 400,000 syarikat yang mewakili 90 peratus pematuhan GST.

"Parti pembangkang yang mengkritik hebat GST sebelum ini, tanpa malu-malu lagi mengguna pakai GST dalam dokumen bajet masing-masing," katanya.

Najib juga berkata, untuk tahun depan, kerajaan menjangka kutipan hasil Kerajaan Pusat adalah RM225.7 bilion, peningkatan sebanyak RM3.2 bilion.

Mengakhiri pembentangan selama satu jam 45 minit yang juga bajet ketujuh sejak menjadi Perdana Menteri, beliau mengumumkan pemberian khas RM500 kepada semua penjawat awam bagi meringankan beban kos sara hidup mereka.

Bagi 700,000 pesara kerajaan pula, bayaran khas 250 ringgit disediakan berjumlah hampir RM1 bilion yang kedua-duanya dibayar pada Januari 2016.

**Ucapan Pembentangan Bajet 2016 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Dewan Rakyat - MUKA 40,41,42,43,44,45,46,47,48,49,50**